

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS
[HULU LANGAT]**

TARIKH : 8 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan status kejayaan Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara 2014-2020, dan hala tuju kecemerlangan bola sepak Malaysia termasuk ranking terkini sejak merebaknya wabak COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara (NFDP) yang telah dilancarkan pada tahun 2014 merupakan satu pelan strategik jangka panjang bagi menghasilkan generasi baharu pemain-pemain bola sepak Malaysia yang boleh bersaing di peringkat Asia dan dunia seterusnya layak ke kejohanan Piala Dunia.

2. Program ini juga merupakan salah satu projek nasional dengan pelan jangka panjang yang mana fasa pertama bermula pada tahun 2014 sehingga tahun 2020 dan seterusnya fasa kedua bermula tahun 2021 sehingga tahun 2030. Pelan ini merupakan hasil usahasama Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Pendidikan Malaysia

(KPM) dan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM). Sepanjang tahun ini, seramai 13,259 pemain telah dikenal pasti dari peringkat Akademi Tunas sehinggalah ke peringkat Akademi Mokhtar Dahari (AMD). Sejumlah 228 pemain elit negara yang berumur di antara 13 hingga 17 tahun telahpun ditempatkan di Akademi Mokhtar Dahari (AMD) di bawah bimbingan 42 jurulatih bertauliah.

3. **Graduan Akademi Mokhtar Dahari (AMD) yang pertama** pada tahun 2019 telahpun menyertai kelab antarabangsa dan tempatan seperti:

- i. Luqman Hakim Shamsudin telah menandatangani perjanjian untuk bermain dalam Kelab KV Kortrijk, Belgium. Beliau juga pernah dinamakan sebagai "*Best 60 Young Players in the World*" oleh akhbar The Guardian.
- ii. Seramai 27 pemain menyertai Selangor FA
- iii. Enam (6) pemain menyertai pasukan Johor Darul Takzim (JDT).

4. Selain itu, pemain-pemain ini juga telah menunjukkan **prestasi yang cemerlang** dalam beberapa siri kejohanan antarabangsa antaranya:

- i. Juara, Aspire Tri-series, Doha, Qatar, 2016, 2017 dan 2019
- ii. Juara, Kejohanan Jockey Cup Bawah 15 Tahun, Hong Kong, 2019
- iii. Juara AFF Bawah 15 Tahun, Kejohanan AFF U-15, Chonburi, Thailand, 2019
- iv. Juara – Whitsun Tournament 2018 Dortmund, Jerman
- v. Juara – Vogido Tournament 2018 Enschede, Holand

5. Pelatih-pelatih AMD juga turut **menarik perhatian beberapa kelab-kelab luar negara** untuk mengikuti sesi pemilihan kemasukan ke akademi-akademi kelab tersebut. Di antaranya adalah seperti Benfica, West Ham United, Lyon, Feyenoord, AZ Alkmaar, Tottenham Hotspur dan beberapa kelab-kelab Liga Jepun. AMD juga telah mendapat **pengiktirafan taraf 2 bintang** “AFC Elite Youth Scheme” daripada Asian Football Confederation (AFC) pada tahun 2019. Pengiktirafan ini membolehkan AMD mendapat bantuan dan sokongan teknikal dari pihak AFC.

6. Bagi merealisasikan hala tuju dan kecemerlangan bola sepak negara pada masa hadapan, Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) telah melancarkan pelan jangka panjang F:30 pada 31 Oktober 2018 dengan fasa pelaksanaan program untuk tempoh dua belas (12) tahun. Justeru itu, pihak Kementerian melalui MSN telah menyesuaikan Program Pembangunan Bola Sepak Negara supaya selari dengan F30 dalam menghasilkan Pelan Strategik PPBN 2021 -2030 dengan penetapan sembilan (9) inisiatif baru.

7. Penstrukturan semula pengurusan PPBN menyaksikan kehadiran FAM sebagai rakan strategik program tersebut untuk bersama-sama meningkatkan lagi keberkesanan pelaksanaan program ini.

Sekian, terima kasih.